

## **Keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tahap Satu di Sekolah Kebangsaan**

Nur Suhailah Mohammad, Muhammad Aidid Aqli bin Mohd Aini, Nurul A'fiffa Binti Che Malek & Abu Zarrin Selamat

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[nursuhailah112@gmail.com](mailto:nursuhailah112@gmail.com)

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral tahap satu di sekolah kebangsaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) mata pelajaran Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan, elemen-elemen keperluan penggunaan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) mata pelajaran Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan dan keberkesanan kurikulum pendekatan neoterik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) mata pelajaran Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan. Responden kajian ini terdiri daripada lima orang guru Pendidikan Moral di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya yang merupakan sekolah rintis bagi kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan instrumen temu bual, pemerhatian dan catatan jurnal. Data temu bual di analisis menggunakan perisian Nvivo 11.4 untuk membentuk tema dan membina jadual matrik.

Kata kunci: Keberkesanan, Kurikulum Pendekatan Neoterik, Pendidikan Moral

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan dalam usaha memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sekali gus, usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 2020).

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di atas, sistem pendidikan kebangsaan sering diperkemas mengikut keperluan semasa (Kalai Selvan, 2013). Kurikulum yang diguna pakai untuk mencapai hasrat FPK seringkali disemak dan diperkemas dengan mengambil kira pelbagai perubahan dan cabaran yang sedang berlaku dalam alaf ke 21 ini. Penambahbaikan dan pemantapan sistem pendidikan kebangsaan dapat dilihat melalui beberapa dasar dan program-program utama kementerian.

Antara dasar dan program-program kementerian ialah Akta Pendidikan 1996 (pindaan 2002), pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang

dilaksanakan pada tahun 2003, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dilaksanakan pada 2011, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017, Memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2011, Satu Murid satu Sukan (1M 1S) pada tahun 2010, Transformasi Pendidikan Vokasional dilaksanakan pada tahun 2013, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada tahun 2011, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada tahun 2016, Standard Pentaksiran dan kini penggunaan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DKSP).

Semua dasar dan program-program kementerian ini adalah bertujuan untuk memperkasakan lagi sistem pendidikan di Malaysia ke arah mencapai pendidikan yang bersepadu dan terancang bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Pelan Pembengunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan beberapa aspirasi dalam usaha negara untuk mencapai keberhasilan pendidikan yang setaraf dengan negara-negara maju yang lain (PADU, 2020). Aspirasi tersebut ialah '5 Aspirasi Sistem' iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Manakala '6 Aspirasi Murid' pula ialah Pengetahuan, Kemahiran berfikir, Kemahiran Memimpin, kemahiran dwibahasa, Etika dan kerohanian dan Identiti Nasional. Kedua-dua aspirasi ini memfokuskan kepada kecemerlangan sistem dan proses pendidikan serta kecemerlangan produk pendidikan yang dilahirkan.

Pengkaji telah meneliti kedua-dua aspirasi ini dan telah melihat akan potensi untuk menambah baik sistem yang sedia ada dalam mendepani cabaran kearah menyediakan tahap pendidikan seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen PPPM. Dalam hal ini, pengkaji melihat kedua-dua aspirasi kebangsaan perlu ditambahbaik dari aspek 'kualiti' bagi mencapai kedua-dua aspirasi kebangsaan iaitu Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid.

## **2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada abad ke 21, terdapat desakan perubahan dalam sistem pendidikan. Menurut Hatch (2009), perubahan adalah bersifat semulajadi dan tidak boleh dikawal dan perubahan berlaku apabila wujud pengembangan ekonomi, persekitaran dan teknologi. Di Malaysia, perubahan diharapkan berlaku dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kalangan modal insan negara bagi memenuhi cabaran global masa kini. Ia mampu dicapai melalui komponen pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran (Rohaya Talib et al., 2014).

Selain itu, terdapat juga desakan dan kehendak masyarakat yang ingin melihat suatu perubahan dalam sistem pendidikan di sekolah (Haris Jalil, 1991). Ini merupakan hasrat masyarakat untuk melihat satu kurikulum yang dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani serta sosial bahkan mengharap generasi yang unggul yang dilahirkan dalam sistem pendidikan yang holistik.

Sistem pendidikan hari ini perlu diteliti kerana terdapat kepincangan yang berlaku dalam sistem pendidikan yang telah dikenal pasti antaranya disebabkan isu masalah disiplin pelajar (Fatimah Ali, 2007), isu exam oriented yang berlaku di sekolah (Rohaya Talib, 2008; Rohaya Talib et al., 2014) serta isu pengabaian elemen kemahiran insaniah terhadap pelajar (Mohamad Didzuan et al, 2015; Faizullah, 2014; Mohd Zaki et al, 2018; Noorazman, 2014 Hazilah Amin et al, 2011). Maka berlakulah perubahan-perubahan bagi melengkapkan hasrat kerajaan dalam usaha melahirkan murid yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan.

Secara umumnya, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan ketamadunan sesebuah masyarakat. Malah pendidikan dapat mengubah pelajar daripada sifat yang buruk kepada sifat yang baik. Hal ini disokong oleh pandangan Ahmad Munawar

(2012) dengan mengatakan bahawa pendidikan dapat membantu pertumbuhan sahsiah dan menyemai jati diri seseorang individu agar menjadi insan yang baik dan seimbang.

Dalam konteks ilmu pendidikan khususnya Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana dengannya kita berupaya meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan tamadun manusia yang cemerlang dalam aspek duniawi dan juga ukhrawi. Ini dibuktikan dengan terdapat pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar akibat kepincangan yang terdapat dalam sistem pendidikan yang tidak mampu membentuk pelajar kepada akhlak yang baik.

Selanjutnya, kemahiran insaniah juga sangat penting dan perlu dititik beratkan bagi menjamin kemenjadian murid. Hal ini kerana kemahiran insaniah dapat membantu pelajar bagi melangkah ke alam pekerjaan kelak. Kemahiran insaniah perlu diterapkan sejak peringkat sekolah lagi, seterusnya digilap diperingkat yang lebih tinggi iaitu diperingkat Institut Pengajian Tinggi.

Menurut Mohamad Zaid Mustafa et al. (2008) kemahiran insaniah 'soft skills' dapat didefinisikan dengan pelbagai cara dan ianya tidak mempunyai definisi yang khusus dan tepat. Ini dapat dibuktikan melalui terminologi kemahiran insaniah 'soft skills' yang digunakan di setiap negara adalah berbeza walaupun matlamat dan ciri-ciri yang dipraktikkan adalah hampir sama. Antaranya di Australia istilah yang digunakan adalah 'key competencies', 'soft skills', atau 'employableskills'. New Zealand pula telah menggunakan istilah 'essential skills' manakala di Amerika Syarikat istilah 'necessary skills', 'employability skills', atau 'workplace know-how' telah digunakan. Bagi di United Kingdom istilah 'key skills' atau 'core skills' di gunakan.

Pada era globalisasi ini, seorang mahasiswa bukan hanya memerlukan segulung ijazah, diploma, sijil semata-mata malah memerlukan kemahiran yang lain seperti kemahiran kepimpinan, berkomunikasi, proaktif, berfikiran kritis malah kemahiran-kemahiran lain (Mohd Faizullah, 2014). Menurut Hazilah Mohd Amin et al. (2011) menyatakan bahawa kemahiran insaniah adalah satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus dimiliki oleh setiap pekerja untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang berketerampilan dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang diceburi. Antara elemen kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar ialah penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berpasukan, profesionalisme, kerohanian, tanggungjawab sosial dan kemahiran ICT.

Malangnya elemen kemahiran insaniah hanya ditekankan di peringkat IPT sahaja sedangkan kemahiran ini harus ditekankan sejak di peringkat sekolah lagi, Hakikatnya kemahiran insaniah bukan hanya diperlukan kepada graduan semata-mata, malah pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah juga perlu diterapkan kemahiran insaniah bagi menjamin kehidupan yang lebih cemerlang. Justeru itu, kemahiran insaniah haruslah disemai dalam diri pelajar bermula di peringkat sekolah agar memudahkan mereka ketika berada di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan alam pekerjaan bagi menjamin perkembangan diri mereka pada masa hadapan.

Akhir sekali, semua perkara berikut memerlukan dan menuntut kepada satu mekanisme yang baru dan mapan agar generasi masa depan yang bakal dibina lebih berjati diri serta kalis masa depan daripada anasir-anasir yang merosakkan mereka yang menyerang daripada pelbagai arah. Mekanisme baru yang dinyatakan oleh pengkaji ialah melalui kaedah pendekatan neoterik. Pendekatan ini mempunyai kepentingan kepada generasi akan datang. Antara keistimewaan pendekatan ini kepada pelajar ialah ianya mampu membentuk generasi yang menguasai pengetahuan dan kemahiran teknologi, membentuk nilai keperibadian murid yang baik dalam masyarakat berbilang budaya dan kaum serta membentuk kecekapan komunikasi antara murid dengan dunia sekeliling.

### 3.0 PENYATAAN MASALAH

Dokumen Pelan Pembengunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan pencapaian yang tinggi dalam hasil pendidikan setaraf dengan antarabangsa. Pengkaji melihat perkara ini merupakan salah satu ketersediaan Kurikulum Kebangsaan yang menjadi jantung kepada perubahan pencapaian keseluruhan sistem pendidikan. Oleh itu, pengkaji menumpukan gerak kerja mentransformasikan kurikulum yang sedia ada dan menambahbaik bagi memperkasakan lagi sistem pendidikan di Malaysia bagi melahirkan pelajar yang kalis masa depan apabila berhadapan dengan dunia luar. Hal ini diperkukuhkan oleh Wan Mohd Zahid (1994) bahawa sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami reformasi bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam sistem pendidikan serta bagi memenuhi keperluan-keperluan semasa dan kehendak-kehendak masa depan.

Di Malaysia terdapat dua jenis sekolah iaitu sekolah awam kerajaan dan sekolah swasta. Sekolah-sekolah awam kerajaan telah menggunakan Kurikulum Kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi sekolah rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi sekolah menengah. Manakala sekolah swasta atau persendirian pula menggunakan Kurikulum Kebangsaan atau Kurikulum Antarabangsa bergantung kepada visi dan misi sekolah tersebut.

Terdapat lebih 95 peratus daripada jumlah sekolah-sekolah di Malaysia menggunakan Kurikulum Kebangsaan iaitu KSSR dan KSSM sebagai kurikulum dan panduan bagi pembangunan pendidikan di sekolah. Walaupun Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah digunakan lebih daripada lapan tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2011 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), terdapat beberapa isu yang dikenalpasti oleh penyelidik yang menjadi titik bebanan bagi guru dan murid dalam pengoperasiannya.

Titik-titik bebanan tersebut ialah dari segi pengukuran kemenjadian murid. Pihak kerajaan dan kementerian telah menjelaskan enam kriteria yang ingin dikuasai oleh murid dalam Aspirasi Murid iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir Kemahiran Memimpin Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian dan Identiti Nasional (KPM,2020). Keenam-enam kriteria ini dilihat bertepatan dengan halatuju pendidikan negara. Walaubagaimanapun sistem pendidikan yang dijalankan ini tidak menyatakan dengan jelas bagaimana kriteria-kriteria ini dimasukkan dalam proses pembelajaran murid. Justeru itu, ianya telah menjadi bebanan kepada guru untuk mengukur kemenjadian murid hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Selain itu, pengukuran kemahiran murid juga menjadi salah satu titik bebanan bagi guru menilai kemahiran murid. Hampir setiap subjek dalam KSSR menggariskan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Melalui Dokumen Standard Kurikulum Penilaian (DSKP), guru diberi rujukan berkenaan dengan aspirasi setiap subjek dan senarai kemahiran serta kandungan yang perlu dikuasai oleh murid. Walaupun kemahiran-kemahiran telah digariskan dalam setiap subjek, pengkaji melihat perkara tersebut belum dilatakan sepenuhnya kepada kandungan bagi subjek tersebut. Oleh yang demikian, guru, murid dan ibubapa serta kementerian sendiri tidak dapat mengukur dengan jelas sejauh mana penguasaan murid bagi setiap kemahiran yang dinyatakan pada awal DSKP. Kemahiran- kemahiran tersebut kekal sebagai pentaksiran subjektif para guru terhadap murid-murid.

Selanjutnya, melalui kurikulum kebangsaan murid diajar dengan subjek-subjek secara berasingan, walhal pengalaman dalam kehidupan seharian murid jarang terdedah dengan sesuatu yang boleh diasing-asingkan mengikut subjek seperti yang dipelajari di sekolah. Oleh yang demikian, sebahagian besar penyesuaian kandungan yang diajar di sekolah dengan konteks yang berlaku di sekeliling murid dilakukan oleh murid itu sendiri tanpa bantuan, diluar lingkup kelas pembelajaran. Kelas kurang berperanan sebagai ruang ruang untuk murid

bereksperimentasi dengan konsep kehidupan dan hanya menjadi wadah untuk menyempurnakan silibus. Walaupun adalah konsep ‘merentas kurikulum’, pengoperasian konsep tersebut hanya bergantung kepada inisiatif guru perseorangan.

Seterusnya, pentaksiran pembelajaran yang dahulunya dijalankan secara berpusat, kini telah diubahsuai dengan memberi kuasa menaksirdi peringkat sekolah iaitu melalui guru. Konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah menekankan kaedah pentaksiran pembelajaran secara berterusan, berbeza dengan kaedah pentaksiran sebelum ini yang dilakukan pada akhir proses pembelajaran iaitu melalui peperiksaan akhir tahun. Hal ini dibuktikan melalui kajian Naim & Talib (2014), Ravikumar (2015) dan Arumugham (2019) serta Yusof & Othman (2019) merumuskan bahawa terdapat kesulitan kepada pelaksanaan PBD di sekolah-sekolah yang mana terdapat sebahagian guru-guru tidak melaksanakan PBD dengan kaedah yang sepatutnya.

Di samping itu, kurikulum yang tersedia kini disifatkan sebagai kurikulum yang terbaik dari segi kandungan yang meliputi pelbagai perkara. Ia direka bentuk khusus untuk memberikan pendidikan yang menyeluruh kepada murid-murid. Sungguhpun begitu, ia juga dilihat menjadi sebab utama kepada kekangan guru untuk mempamerkan kreativiti dalam merekabentuk pengajaran dan pembelajaran. Kreativiti guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersekat apabila terdapat keperluan untuk menghabiskan silibus.

Konsep pendidikan abad ke-21 (PAK21) telah diperkenalkan oleh kementerian dalam usaha untuk mentransformasikan tenaga kerja pendidik kearah amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih moden, dinamik dan berpusatkan pelajar. Konsep ini dilihat sebagai salah sebuah usaha kementerian untuk mengupayakan guru-guru dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif. Penerimaan guru terhadap PAK21 sangat memberangsangkan, akan tetapi dengan kekangan silibus telah menyekat para guru untuk mempraktikkan PAK21 agar dapat menghasilkan pengajaran yang lebih menarik. Keterikatan guru dengan silibus telah menyebabkan guru tidak mampu bereksperimentasi dengan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan dinamik dan guru-guru dilihat hanya mampu berkarya dalam ruang lingkup yang kecil. (Said & Yunus, 2008; Buntat & Ahamad, 2012; Hashim, Nazri & Mustafa, 2017; Rusdin & Ali, 2019).

Pengalaman pembelajaran bagi murid-murid tidak hanya tertakluk di dalam primeter sekolah. Ibu bapa dilihat perlu memainkan peranan yang lebih dalam proses pendidikan anak-anak mereka, bagi memastikan kelangsungan serta keterlibatan elemen-elemen pendidikan yang diterapkan di dalam kelas, juga dapat digarap secara langsung di rumah. Kebanyakan keterlibatan ibu bapa di sekolah pada masa kini hanya terhenti setakat pertemuan ibubapa dan guru bagi pelaporan PBD dan mesyuarat PIBG yang dilakukan sekali setahun. Pengkaji melihat penglibatan guru secara rapat sangat penting antara guru dan ibu bapa.

Kesimpulannya, pengkaji melihat kurikulum kebangsaan memerlukan pembaharuan dan penambahbaikan agar dapat membantu negara melahirkan modal insan yang lebih holistik. Justeru itu, kita memerlukan satu pendekatan baru bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui sistem pendidikan yang terbaik bagi berhadapan dengan negara luar. Pengkaji telah mengetengahkan satu kurikulum pendekatan baru iaitu pendekatan neoterik yang bukan sahaja dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani serta intelek malah dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi bagi berhadapan dengan dunia yang mencabar.

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya. Justeru, kajian ini untuk mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengkaji Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan.
- ii. Mengkaji elemen-elemen keperluan penggunaan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan.
- iii. Meninjau keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral tahap satu yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan.

## 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Bab ini akan membincangkan metodologi kajian yang diguna untuk memastikan tujuan dan objektif kajian dapat dicapai melalui prosedur-prosedur yang telah dirancang. Secara umumnya, bab ini juga menjelaskan aspek reka bentuk kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kajian rintis dan kebolehpercayaan serta prosedur analisis data. Dalam kajian ini, reka bentuk yang digunakan adalah berbentuk kaedah kualitatif di mana data diperolehi melalui sesi temu bual bersama responden, catatan jurnal dan pemerhatian pengkaji terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru Pendidikan Moral di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya.

Pendekatan kualitatif telah dipilih untuk kajian ini kerana menurut pengkaji pendekatan kualitatif bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji malah bertepatan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu keberkesanan kaedah pendekatan neoterik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral tahap satu di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya. Tambahan pula, Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya merupakan sekolah rintis bagi Akademi Pendidikan Sekolah Makmal, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada usaha pengkaji untuk menilai keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Moral tahap satu yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya yang merupakan sekolah rintis bagi kajian ini. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Context, Input, Proses and Product (CIPP) yang dibangunkan oleh Daniel L. Stufflebeam dan Anthony J. Shinkfield pada tahun 2007.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan Kurikulum Pendekatan Neoterik yang akan dijalankan terhadap pelajar tahap satu Pendidikan Moral di Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya. Sesungguhnya segala usaha ini adalah untuk melahirkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial bertepatan dengan falsafah pendidikan kebangsaan iaitu: “Suatu usaha berterusan dalam usaha memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sekali gus, usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara” (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 2020).

Di samping itu, Kurikulum Pendekatan Neoterik dapat melahirkan pelajar yang menguasai pelbagai kemahiran iaitu dalam aspek literasi, numerasi, literasi saintifik, literasi ICT, literasi kewangan, literasi budaya, kritis, kreatif, komunikasi, kolaborasi, inkuiri, inisiatif, gigih, penyesuai diri, kepimpinan dan kesedaran sosial. Sesuai dengan matlamat Kurikulum

Pendekatan Neoterik bagi melahirkan insan madani yang dilahirkan berupaya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan global serta bersedia menghadapi cabaran yang mendatang.

## 7.0 RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. 2012. *Sosiohumanika*, 5(1) 2012. Sumbangan Pendidikan dalam memperkasakan tamadun bangsa: Perspektif Islam
- Azizi Yahaya. 2015. *Masalah Lepak Dikalangan Remaja Di Johor Bahru: Sejauhmanakah Remaja Melayu Terlibat*. Seminar Kebangsaan Kepengetuaan, Desember 2001, Institut Aminuddin Baki.
- Azlina Abdullah. 2010. *Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 Di Malaysia*.
- Chua Yan Piaw. 2006b. *Kaedah penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur: Mcc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Fatimah binti Ali. 2007. *Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosrotan Pembelajaran*. *Jurnal Usuluddin*, Bil 25 [2007] 145-154.
- Haris Md. Jadi. 1991. *Reformasi Kurikulum Di Malaysia: Satu pandangan Ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Perlaksanaannya*. Jilid 11, 1991/92
- Hazilah Mohd Amin, noraidah sahari@ Ashaari, Shahrina Shahrani, Kamsuriah Ahmad, Hamizah Mohd Amin. 2011. *Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar FTSM dan Hubungannya dengan Pencapaian dan Demografi Pelajar*. *Prosiding Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM2011 (2011): 000- 000*.
- Hatch, T. (2009). *Managing to Change : How Schools Can Survive (and sometimes thrive in turbulent times)*. Columbia University, New York : Teachers College.
- Jamil Ahmad. 2002. *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalai Selvan Arumugham. 2013. *Pemahaman dan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Menengah Kerajaan*. Conference: 2nd Colloquim for Graduate Students 2013 “Research Methodology: Sharing of Experience at: Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia
- Noorazman Abd Samad, Noor Hisham Jalani, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin & Andrian Pua Poh Keong. 2014. *Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir Di Politeknik Premier Malaysia*. Seminar Antarabangsa Pertama Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVEIS2014).
- Mohd Faizullah bin Mohamed. 2014. *Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Konteks Membina Insan Berkepimpinan Di Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Kokurikulum Di Universiti*.
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim & Nabilah Yusof. 2015. *Kemahiran Insaniah Dan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Dan Universiti Awam*. Conference: International Language and Education Conference (iLEC 2015).
- Mohd Zaki Kamsah, Mohd Salleh & Wahid Razzaly. 2018. *Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran di IPTA*.
- Rohaya Talib, Mohd Zaki Kamsah, Hamimah Abu Naim dan Khadijah Daud. 2014. *Pedagogi dan pentaksiran: Kongruen?.* Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Fakulti IPTA 2014 (25-26 September, Fakulti Pendidikan UM).
- Rohaya Talib (2008). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Ujian Literasi Pentaksiran*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis PhD.
- Utusan Malaysia, 28 September 2000